KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	19/11/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	JKPTG			

BH Jumaat, 19 November 2021 Nasional

Terengganu sedia pajak tanah sehingga 20 tahun

Individu, syarikat cadang usahakan kawasan terbiar diminta kemuka permohonan

Oleh Baharom Bakar dan Aizat Sharif
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Kerajaan Terengganu bersedia memberi pajakan sehingga 20 tahun kepada pihak yang berhasrat memajukan tanah terbiar di negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim, berkata individu serta syarikat yang bercadang untuk mengusahakan tanah yang dikategorikan sebagai terbiar seluas kira-kira 7,862 hektar boleh mengemukakan permohonan.

Katanya, kerajaan negeri menubuhkan pasukan petugas khas untuk memulihkan tanah terbiar di seluruh negeri.

"Antara tugasan pasukan itu adalah menyediakan pangkalan data tanah terbiar, mengenal pasti punca dan faktor, menyediakan ulasan teknikal dan mengemukakan pelan tindakan bagi pemulihan.

"Ini termasuk aspek pembangunan, pemasaran, penyertaan pihak swasta dan petani tempatan," katanya.



Dr Azman Ibrahim

Beliau ditemui pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan negeri (DUN) Ke-14, di sini, semalam.

Kelmarin, Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Ali Biju, berkata Kerajaan Persekutuan terbuka kepada cadangan untuk memajukan tanah terbiar atau belum dibangunkan bagi mengoptimumkan penggunaan tanah kepada aktiviti lebih menguntungkan.

Katanya, mana-mana pihak boleh memohon untuk membangunkan tanah terbiar menerusi kerajaan negeri atau tanah milik kerajaan melalui Pejabat Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Dr Azman, yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Jabi, berkata kerajaan negeri melalui Belanjawan 2022 meluluskan peruntukan RM1 juta bagi melaksanakan pembangunan infrastruktur tanah terbiar.

Sementara itu, di **KANGAR**, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man, berkata ketika ini, tidak ada tanah terbiar, terutama milik kerajaan negeri di negeri itu.



Keratan akhbar BH, semalam.

Katanya, semua tanah sudah diusahakan dan diduduki.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kebanyakan tanah milik kerajaan negeri itu dipajak untuk pertanian dan pembangunan komersial, lazimnya untuk tempoh sehingga 30 tahun.

"Namun, masyarakat boleh memohon pada bila-bila masa jika ada tanah terbiar di negeri ini," katanya ketika dihubungi.